

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Ahli-Ahli Kabinet sekarang dikehendaki untuk membuat pengisytiharan harta secara terbuka dan dipaparkan di laman web SPRM. Senaraikan Ahli-Ahli Dewan yang belum mengisytiharkan harta kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat dan GIACC/SPRM lanjutan daripada usul yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada tahun 2019.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) adalah merupakan *platform* untuk pemaparan harta melalui *website* dan bukan menjadi tanggungjawab SPRM untuk memaksa mana-mana pihak untuk mengisytiharkan harta mereka. Perisytiharan harta telah mula diperkenalkan Kerajaan melalui Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen pada Disember 2018. Disusuli dengan usul perisytiharan harta yang dipersetujui di Dewan Rakyat pada 1 Julai 2019 dan di Dewan Negara pada 22 Julai 2019 dengan objektif untuk mewujudkan negara yang bebas rasuah.

YAB Perdana Menteri pada 11 Mac 2020 telah mengumumkan bahawa semua Jemaah Menteri perlu mengisytiharkan harta mereka

**NO. SOALAN : 38**

seperti amalan terdahulu dan seterusnya akan dipaparkan di portal SPRM yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja termasuklah orang awam. Pemaparan hanya akan dibuat setelah kabinet memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta / pendapatan yang telah diisytiharkan.

Berkaitan Ahli-Ahli Dewan yang belum mengisytiharkan harta, dimaklumkan sehingga 6 Julai 2020 adalah seramai 43 orang.

Sekian, terima kasih.